



**CABARAN PENGAJARAN SUBJEK PENDIDIKAN JASMANI DI SEKOLAH
MENENGAH DI MALAYSIA**

**[CHALLENGES IN THE TEACHING OF PHYSICAL EDUCATION SUBJECT IN
MALAYSIAN SECONDARY SCHOOLS]**

^{*1}Dicken Kilue & ¹Tajul Arifin Muhamad

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author: dickenkilue@gmail.com

ABSTRAK

Mata pelajaran Pendidikan Jasmani merupakan komponen penting dalam kurikulum pendidikan negara untuk melahirkan generasi muda yang sihat dan cergas melalui penekanan kepada aspek perkembangan psikomotor, kognitif, afektif dan kecergasan fizikal. Namun demikian, penekanan kepada pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Jasmani masih kurang diberikan perhatian sama ada oleh pihak sekolah mahupun ibu bapa. Justeru itu, kertas ini membincangkan kekangan pelaksanaan Pendidikan Jasmani berdasarkan beberapa cabaran seperti faktor guru, murid, persekitaran sekolah serta kemudahan fizikal, pentadbir sekolah dan sokongan ibu bapa. Sebagai penambahbaikan, beberapa cadangan dikemukakan bagi mengatasi setiap cabaran yang telah dikenalpasti. Para pentadbir dan guru di sekolah perlu mengambil berat pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Jasmani dari sudut yang positif dan sentiasa bersedia untuk menerima perubahan dalam usaha memartabatkan kepentingan mata pelajaran Pendidikan Jasmani agar setanding dengan mata pelajaran lain.

Kata kunci: Pendidikan Jasmani, sekolah menengah, kepentingan, cabaran pelaksanaan, Malaysia

ABSTRACT

Physical education is one of the crucial subjects in the educational curriculum, meant to produce the healthy-conscious and fit citizens. This can be nurtured via the development of the psychomotor, cognitive, affective and physical fitness aspects. However, the emphasis of this subject has been less prioritised by the schools and parents. In addressing the issue mentioned, this paper discusses the constraints in executing physical education lesson from the aspects of teachers, students, school atmosphere and facilities, school administrators and parental support. In addition, several recommendations and suggestions were proposed to overcome the aforesaid obstacles. This paper concludes that the school administrators and teachers should be optimistic in embracing the changes and transformations taking place, particularly in the effort of upholding the status of this subject to be of indispensable importance as other subjects in schools.

Keywords: Physical education, secondary schools, importance, implementation challenges, Malaysia

1.0 PENGENALAN

Pendidikan Jasmani direkabentuk dalam sistem formal pendidikan negara untuk membangunkan tabiat gaya hidup sihat di kalangan pelajar melalui penglibatan aktif dalam aktiviti fizikal, sukan, rekreasi dan sosial. Untuk mencapai taraf negara maju, Malaysia bukan sahaja memerlukan kurikulum pendidikan yang berkualiti bagi tujuan melahirkan modal insan yang berilmu pengetahuan, berkemahiran, memiliki keperibadian mulia, tetapi juga modal insan yang sihat dan cergas untuk meningkatkan produktiviti negara supaya dapat terus berdaya saing pada peringkat antarabangsa (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2006). Pendekatan mata pelajaran Pendidikan Jasmani yang bersifat menyeluruh ini perlu diterapkan kepada semua pelajar bermula di peringkat kanak-kanak sehingga remaja. Ini adalah kerana kurikulum pendidikan jasmani yang memberi fokus kepada perkembangan domain psikomotor, kognitif, afektif dan kecergasan fizikal merupakan komponen penting untuk melahirkan generasi muda yang holistik, sihat dan cergas seterusnya berupaya untuk memikul tanggungjawab membangunkan negara ke arah kecemerlangan menjelang tahun 2020 (National Association for Sport and Physical Education, 2001).

Dasar 1Murid 1Sukan (1M1S) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada 2011 untuk menggalak dan mewajibkan penglibatan murid dalam aktiviti sukan seterusnya melahirkan murid yang seimbang dalam aspek akademik dan perkembangan fizikal. Dasar tersebut telah mewajibkan semua murid tahun 4 hingga tahun 6 bagi sekolah rendah dan murid peralihan hingga tingkatan enam di sekolah menengah termasuk murid berkeperluan khas yang tidak mengalami masalah kesihatan untuk menyertai sekurang-kurangnya satu jenis sukan dan permainan. Bagi mencapai matlamat tersebut, proses pengajaran Pendidikan Jasmani yang berkesan dan holistik perlu dilaksanakan di sekolah (Awang, 2012).

Namun demikian, kurikulum Pendidikan Jasmani ini tidak akan membuahkan hasil seperti yang dihasratkan jika proses pelaksanaannya masih kurang mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak guru, sekolah dan ibu bapa. Oleh itu, kertas konsep ini mengupas dan membincangkan aspek cabaran pelaksanaan serta cadangan mengatasinya untuk meningkatkan keberkesanaan pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah menengah.

2.0 KEPENTINGAN PELAKSANAAN PENDIDIKAN JASMANI

Melihat kepada kepentingan Pendidikan Jasmani dalam usaha melahirkan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil langkah menjadikan ianya sebagai mata pelajaran teras yang wajib di semua peringkat sekolah menerusi Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah menyiarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3/1979; Bil.2/1988; Bil.17/1998; Bil.25/1998 dan Bil.8/1990 (Pelaksanaan Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan) yang bertujuan untuk memberi penegasan kepada semua pengetua dan guru besar di sekolah bahawa Pendidikan Jasmani wajib dilaksanakan dalam waktu persekolahan. Pihak sekolah dilarang menggunakan peruntukan waktu mata pelajaran Pendidikan Jasmani untuk mengajar mata pelajaran lain.

Pelaksanaan Pendidikan Jasmani yang teratur dapat memberikan kesan positif ke atas perlakuan dan tingkah laku pelajar. Kajian oleh Oliviera et al. (2017) ke atas 240 orang kanak-kanak yang berumur di antara 10 hingga 11 tahun di daerah Rondonia, Brazil mendapati

bahawa penerapan permainan secara berpasukan telah mengurangkan perlakuan buli dari aspek keagresifan fizikal sebanyak 100% dan keagresifan verbal sebanyak 85.7%. Selain daripada itu, aktiviti fizikal yang dilaksanakan semasa kelas Pendidikan Jasmani juga memberikan kesan positif ke atas kualiti hidup pelajar. Ini selari dengan dapatan kajian oleh Pavlova et al. (2017) ke atas 514 orang pelajar sekolah menengah di Ukraine mendapati terdapat hubungan signifikan yang positif di antara kadar aktiviti fizikal harian dan komponen mental ke atas kualiti hidup pelajar.

Pendidikan Jasmani juga direka bentuk untuk menyemai keyakinan diri, mematuhi peraturan, meningkatkan kemahiran dan menanam semangat kerjasama antara pelajar. Pendidikan Jasmani merupakan mata pelajaran yang bertujuan mendidik pelajar untuk terlibat dalam aktiviti bersukan, berekreasi, bersosial dan menjaga kesihatan. Peningkatan pencapaian dan matlamat diri melalui aktiviti fizikal yang melibatkan tiga kemahiran utama seperti psikomotor, kognitif dan afektif juga dapat dicapai melalui Pendidikan Jasmani (Harun & Salamuddin, 2008).

Selain itu, Pendidikan Jasmani juga membolehkan pelajar memperolehi kemahiran untuk bertindak semasa kecemasan dan boleh mengaplikasikan gaya hidup sihat. Menurut Tan et al. (2014), Pendidikan Jasmani membantu meningkatkan kemampuan pelajar melalui aktiviti fizikal, sosial, emosi dan kognitif. Oleh itu, guru Pendidikan Jasmani perlu melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani dengan bersungguh-sungguh dan lebih berkesan untuk meningkatkan tahap keterlibatan pelajar. Berdasarkan perbincangan tersebut, jelas menunjukkan bahawa Pendidikan Jasmani merupakan komponen penting dalam kurikulum pendidikan negara sebagai asas untuk pembentukan sahsiah diri pelajar, memberi pendedahan kemahiran dan sebagai medium untuk memupuk minat serta mencungkil bakat pelajar.

3.0 MODEL YANG BERKAITAN DENGAN PELAKSANAAN PENDIDIKAN JASMANI

Kertas konsep ini merujuk kepada Model Intervensi (Thomas & Beaudoin, 2002) dalam konteks pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Model tersebut menyatakan terdapat lima faktor yang mempengaruhi pelaksanaan mata pelajaran ini iaitu faktor 'presage', program, proses, konteks dan produk. Kelima-lima faktor ini saling berkaitan antara satu sama lain seperti yang ditunjukkan pada rajah berikut:



Rajah 1: Model Intervensi Thomas dan Beaudoin (2002)

Berdasarkan model di atas, faktor 'presage' merujuk kepada peranan pengetua sebagai pemantau pelaksanaan kurikulum di sekolah manakala guru pula berperanan sebagai penyampai dan pelaksana pengajaran Pendidikan Jasmani. Faktor program pula berkaitan dengan kandungan dan sukatan mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Faktor konteks merujuk kepada persekitaran sekolah seperti kemudahan fizikal, peralatan, sumber peruntukan kewangan dan sumber lain yang terdapat di sekolah. Faktor proses adalah sesi penyampaian atau rutin proses pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan oleh guru semasa mengajar. Manakala faktor produk pula merujuk kepada keberkesanan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran melalui penguasaan kemahiran serta penghayatan nilai oleh murid terhadap Pendidikan Jasmani. Oleh yang demikian, Model Intervensi ini adalah relevan dengan kertas konsep yang mengupas tentang cabaran pelaksanaan Pendidikan Jasmani di sekolah menengah berdasarkan kepada lima faktor tersebut.

4.0 CABARAN PELAKSANAAN MATA PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI

4.1 Faktor guru Pendidikan Jasmani

Guru merupakan agen penting dalam penyampaian pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar. Oleh itu, keberkesanan pengajaran bergantung kepada tahap pengetahuan guru (De Knops et al., 2004; Jani, 2004) dan kompetensi guru (Starc & Strel, 2012). Tahap kompetensi guru dipengaruhi oleh latar belakang seperti kelayakan (Davis et al., 2005) dan juga pengalaman guru mengajar Pendidikan Jasmani (De Knops et al., 2004; Grangeat & Gray, 2007). Kompetensi guru dapat dinilai berdasarkan kreativiti dan kecekapan mereka merancang strategi pengajaran, memilih pendekatan dan teknik yang sesuai dengan tahap kepelbagaian kecerdasan murid bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan (Smith & Pierre, 2009). Guru yang kompeten akan berupaya mengawal disiplin serta memotivasikan murid melalui kaedah positif untuk terus mempelajari dan menguasai sesuatu kemahiran.

Pengalaman guru juga mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pengajaran Pendidikan Jasmani. Guru baharu kebiasaannya kurang berpengalaman dan kurang yakin untuk merancang strategi, memilih pendekatan serta mengubahsuai pengajarannya mengikut tahap kemampuan murid berbanding guru Pendidikan Jasmani yang berpengalaman mempunyai kelebihan dari segi pengetahuan, kemahiran dan pengorganisasian kelas. Namun demikian, guru akan memperolehi pengalaman apabila mereka berinteraksi dengan persekitaran sekolah dan dunia pengajaran yang sebenar (Lunenberg & Korthagen, 2009). Oleh yang demikian, guru Pendidikan Jasmani perlu mempunyai kebolehan menguasai isi kandungan pelajaran dengan baik, berupaya membuat penilaian kekuatan dan kelemahan murid seterusnya memberi maklumbalas yang positif kepada murid semasa pengajaran sesuatu kemahiran.

Guru yang berkecakapan dan mempunyai opsyen dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani ataupun Sains Sukan berupaya menyampaikan isi kandungan pelajaran dengan lebih berkesan kerana memiliki kemahiran, pengetahuan pedagogi serta berkebolehan untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan seterusnya dapat memotivasikan murid (Masurier & Corbin, 2006). Guru seharusnya melaksanakan aktiviti yang dapat menggalak dan meningkatkan minat pelajar, menyedar, memberi kefahaman dan keyakinan untuk mengikut apa yang terkandung dalam sesuatu perancangan. Oleh yang demikian, aspek kreativiti guru adalah amat penting.

Kecekapan guru dalam melaksanakan penilaian berasaskan sekolah (PBS) bagi aktiviti Pendidikan Jasmani seperti SEGAK dan PAJSK juga masih rendah walaupun telah dilaksanakan sejak 2011. Kajian kualitatif oleh Veloo dan Md. Ali (2016) ke atas guru-guru pendidikan jasmani di Kedah mendapati bahawa penguasaan aspek penilaian belum dikuasai sepenuhnya disebabkan oleh faktor kecairan maklumat, tempoh penataran kursus yang singkat dan kegagalan ketua jabatan atau wakil yang menghadiri kursus untuk menyampaikan semula maklumat melalui latihan dalaman kepada guru-guru di sekolah. Ini jelas menunjukkan kebolehan menguasai sesuatu isi kandungan dan perubahan kurikulum adalah penting. Kursus penyebaran yang dilaksanakan perlu diberikan secara langsung kepada kumpulan sasaran.

4.2 Faktor murid

Penglibatan para pelajar dalam pembelajaran aktiviti fizikal di sekolah masih pada tahap rendah. Pendidikan Jasmani khususnya di sekolah menengah sedang mengalami ketidakstabilan, iaitu kurang diminati di kalangan para pelajar (Ismail & Muhamad, 2015). Malah kajian oleh Ibrahim dan Abu Bakar (2008) mendapati hanya 15 peratus sahaja pelajar yang menyatakan Pendidikan Jasmani 'Sangat Penting'. Kebanyakan pelajar peringkat menengah atas kurang berminat dengan aktiviti jasmani kerana beranggapan mata pelajaran Pendidikan Jasmani tidak mempunyai nilai akademik, perubahan saiz badan, tidak sihat, pakaian tertinggal dan sebagainya. Alasan sedemikian telah digunakan oleh pelajar untuk mengelakkan penglibatan diri dalam aktiviti Pendidikan Jasmani di sekolah.

Selain itu, isu pelajar tidak memakai pakaian sukan semasa kelas Pendidikan Jasmani juga masih berlarutan sehingga kini. Dapatan kajian oleh Nursan et al. (2011) mendapati 67 peratus guru berpendapat bahawa majoriti pelajar tidak mahu memakai pakaian sukan semasa kelas Pendidikan Jasmani. Kajian oleh Surat dan Abu Bakar (2015) ke atas 122 orang pelajar sekolah menengah di Daerah Hulu Langat juga mendapati responden perempuan sukar untuk menukar pakaian sukan kerana ketiadaan kemudahan bilik persalinan seterusnya dijadikan alasan untuk tidak mengikuti kelas Pendidikan Jasmani. Situasi sedemikian telah menimbulkan kekecewaan di kalangan guru yang mengajar subjek Pendidikan Jasmani.

4.3 Faktor persekitaran sekolah dan kemudahan fizikal

Pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Jasmani yang berkesan, lancar dan selamat banyak dipengaruhi oleh persekitaran sekolah dan juga kemudahan fizikal yang mencukupi. Namun demikian, kekurangan kemudahan fizikal dan peralatan sukan masih menjadi cabaran pelaksanaan Pendidikan Jasmani di sekolah sehingga kini. Kajian oleh Ismail dan Muhamad (2016) mendapati faktor kekurangan kemudahan dan gelanggang sukan menjadi halangan utama pelaksanaan Pendidikan Jasmani di sekolah Orang Asli. Selain itu, kekurangan peralatan juga berlaku kerana tidak dikembalikan selepas dipinjam oleh pelajar.

Penguasaan optimum sesuatu kemahiran yang di ajar oleh guru juga bergantung kepada kebolehcapaian ke atas kemudahan fizikal dan bilangan peralatan. Jumlah peralatan yang mencukupi adalah penting agar setiap murid dapat menggunakan peralatan secara individu tanpa menunggu giliran yang lama untuk berlatih sesuatu kemahiran yang diajar oleh guru. Murid yang berjaya menguasai sesuatu kemahiran akan lebih bermotivasi untuk mempraktikkan kemahiran yang telah dipelajari dan akan mencetuskan keseronokan di kalangan mereka (Liukkonen et al., 2010).

Namun demikian, kajian lepas mendapati sekolah masih menghadapi masalah untuk mendapatkan kawasan padang dan gelanggang yang luas serta selamat untuk digunakan. Kajian oleh Rahim (2004) mendapati 34.2% kekangan oleh sekolah di bandar adalah untuk mendapatkan kawasan yang luas bagi melaksanakan aktiviti Pendidikan Jasmani. Keadaan ini menyebabkan pengajaran Pendidikan Jasmani dilakukan di kawasan gelanggang terbuka yang kecil sehingga membataskan pergerakan dan ruang yang diperlukan oleh bilangan murid yang ramai. Kajian oleh Ali et al. (2014) juga mendapati 80% ibu bapa sangat setuju dengan keadaan padang yang tidak selamat dan sempit, peralatan yang tidak mencukupi, peralatan rosak dan tidak diganti serta kesesakan murid di padang menjadi kekangan pelaksanaan Pendidikan Jasmani yang berkesan di sekolah.

4.4 Faktor pentadbir sekolah

Pentadbir sekolah memainkan peranan yang sangat penting berkaitan dengan haluan pelaksanaan Pendidikan Jasmani di sekolah. Menurut Wee (2001), pentadbir sekolah yang menyokong pelaksanaan mata pelajaran ini akan memberi perhatian sewajarnya terhadap aspek pengagihan sumber tenaga guru yang mengajar mata pelajaran ini mengikut kelayakan dan opsyen. Pentadbir yang mengambil berat pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Jasmani akan mengagih dan menggunakan peruntukan kewangan dengan sewajarnya untuk pembelian dan penyelenggaraan kemudahan fizikal, merancang program pembangunan staf bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani dalam takwim sekolah, memantau pengajaran guru dan memberi maklumbalas yang membina untuk meningkatkan mutu dan kualiti pengajaran mata pelajaran Pendidikan Jasmani (Tan & Lee, 2004).

Namun demikian, terdapat juga pentadbir sekolah yang masih kurang memberikan penekanan kepada pelaksanaan dan pemantauan ke atas mata pelajaran Pendidikan Jasmani kerana ia dianggap kurang penting dan tidak diuji dalam peperiksaan seperti SPM. Senario tersebut selari dengan dapatan kajian oleh Chong (2016) mendapati pentadbir sekolah lebih mementingkan mata pelajaran teras yang lain berbanding mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan kurang prihatin semasa mengambil tindakan penambahbaikan tentang masalah guru dalam melaksanakan proses pengajaran walaupun penyeliaan telah dijalankan. Malah, situasi menjadi lebih kritikal kerana terdapat sebahagian sekolah yang mengarahkan guru tidak terlatih dalam bidang Pendidikan Jasmani untuk mengajar mata pelajaran tersebut hanya sekadar untuk mencukupkan jumlah waktu pengajaran guru dalam seminggu (Awang, 2012).

Laporan Pemantauan Unit Pendidikan Jasmani, Bahagian Pembangunan Kurikulum (2008) juga mendapati terdapat pentadbir sekolah yang tidak menggunakan sepenuhnya kepakaran guru opsyen untuk mengajar subjek Pendidikan Jasmani sebaliknya mengajar subjek lain. Perkara ini bertentangan dengan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3/1979 yang jelas menyatakan guru opsyen Pendidikan Jasmani perlu mengajar subjek tersebut sekurang-kurangnya 14 waktu seminggu.

4.5 Faktor sokongan ibu bapa

Kekangan pelaksanaan Pendidikan Jasmani berlaku disebabkan oleh sikap ibu bapa yang lebih mementingkan mata pelajaran lain yang diuji dalam peperiksaan awam. Kajian oleh Ali et al. (2014) mendapati 80% ibu bapa bersetuju bahawa Pendidikan Jasmani membuang masa, membazirkan tenaga anak, tidak menjamin masa depan dan tidak membantu dalam peperiksaan. Mereka juga berpendapat bahawa masa dan tenaga anak-anak mereka perlu digunakan untuk matapelajaran lain di dalam kelas dan bukannya dihabiskan untuk Pendidikan

Jasmani. Malahan terdapat segelintir ibu bapa memilih dan menghantar anak ke sekolah swasta yang tidak menawarkan mata pelajaran Pendidikan Jasmani.

Selain itu, ibu bapa juga menganggap mata pelajaran Pendidikan Jasmani tidak penting kerana tidak diuji dalam peperiksaan SPM. Keadaan ini menyebabkan ibu bapa kurang mengambil tahu hasil pengajaran guru di dalam kelas tidak seperti mata pelajaran peperiksaan awam yang lain (Awang, 2012). Pandangan cetek ibu bapa sebeginilah yang mempengaruhi dan merendahkan motivasi anak-anak untuk mengikuti kelas Pendidikan Jasmani dengan bersungguh-sungguh. Kajian oleh Veloo dan Md. Ali (2016) juga mendapati ibu bapa tidak pasti tentang skor band yang diperolehi anak mereka dalam SEGAK dan Penilaian Aktiviti Jasmani Sukan Kurikulum (PAJSK) berbanding dengan bilangan gred A untuk mata pelajaran lain. Keadaan ini jelas menunjukkan sikap ibu bapa masih lebih mementingkan kecemerlangan akademik berbanding penguasaan sesuatu kemahiran dan kecergasan murid melalui Pendidikan Jasmani.

5.0 CADANGAN MENGATASI CABARAN

5.1 Cadangan mengatasi cabaran faktor guru

Guru hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran menghasilkan kaedah pengajaran yang berkesan dan berupaya mengatur program yang sesuai dengan keperluan murid. Warga pendidik seharusnya bersedia untuk mengadakan suatu revolusi dalam pembelajaran yang dapat mengubah cara pembentukan dan perkembangan pengetahuan murid, khususnya dari segi minat dan penguasaan sesuatu kemahiran (Ali et al., 2014). Oleh itu, untuk menghadapi segala perubahan sukatan pelajaran yang sering berlaku, guru seharusnya mempunyai semangat untuk belajar secara berterusan dan sentiasa bersedia menghadiri kursus dalam perkhidmatan untuk meningkatkan lagi kemahiran pedagogi dan penyampaian isi kandungan.

Terdapat pelbagai pendekatan yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani. Antaranya ialah sesi pengajaran bersama rakan guru (*peer coaching*), di mana kaedah ini melibatkan guru baharu akan mengajar sambil diperhatikan oleh *coach* yang terdiri daripada guru pakar, guru cemerlang atau guru berpengalaman dan sebaliknya. Sesi maklumbalas, refleksi dan perbincangan berkenaan dengan proses penyampaian pengajaran akan dibincangkan selepas kedua-dua pihak membuat sesi pengajaran. Melalui *peer coaching* ini kedua-dua pihak akan dapat maklumbalas secara langsung. Selain itu, proses tunjuk cara dalam pengajaran, sistem sokongan rakan sekerja, perkongsian pintar antara komuniti sekolah dengan komuniti di luar sekolah dan pengajaran secara kolaboratif dapat diintegrasikan (Harris & Jones, 2011).

Guru baharu yang mengajar Pendidikan Jasmani juga boleh menggunakan kaedah *Lesson study* yang merupakan salah satu kaedah pelaksanaan aktiviti pengajaran dan persediaan secara kolaboratif di kalangan guru-guru Pendidikan Jasmani. Mereka perlu duduk bersama untuk membincangkan isu dan merancang aktiviti yang ingin dijalankan bagi mencari jalan penyelesaian sebelum melaksanakan sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Ilham, 2013). Sesi pengajaran akan dijalankan oleh salah seorang guru manakala guru lain bertindak sebagai fasilitator. Kaedah ini dapat meningkatkan motivasi dan keyakinan guru baharu ataupun guru bukan opsyen yang mengajar Pendidikan Jasmani.

Guru bukan opsyen yang sering beranggapan bahawa mereka tidak berkelayakan serta kurang keyakinan untuk mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani masih dapat

meningkatkan pengetahuan dengan mengikuti kursus, seminar dan bengkel peningkatan profesionalisme mengikut keperluan masing-masing. Kesediaan guru untuk menerima pengalaman baharu melalui kursus latihan dapat meningkatkan keyakinan diri, efikasi sendiri seterusnya kecemerlangan profesionalisme mereka (Ali, Hassan, & Jani, 2014).

5.2 Cadangan mengatasi cabaran faktor murid

Semasa menjalankan aktiviti pengajaran Pendidikan Jasmani, guru perlu mendekati dan memberi peluang yang sama rata kepada semua pelajar. Kaedah ini dapat menimbulkan minat seterusnya keseronokan berterusan kepada murid untuk menjadikan proses pengajaran lebih berkesan. Pelajar akan mendapat keseronokan apabila mereka dapat menguasai sendiri setiap kemahiran yang dipelajari melalui kaedah berpusatkan murid dan aktiviti dilakukan secara ansur maju. Kajian oleh Ismail dan Muhamad (2016) juga mendapati bahawa guru yang mesra dan menjalankan aktiviti sukan berpasukan mampu menarik minat murid Orang Asli untuk melibatkan diri dalam aktiviti pendidikan jasmani.

Untuk mengatasi cabaran mata pelajaran Pendidikan Jasmani kurang diminati, membosankan serta melelahkan, guru perlu menerangkan dengan jelas objektif sesuatu pengajaran, menguasai dengan baik isi kandungan dan berupaya untuk menyampaikannya dengan berkesan. Proses pengajaran perlu dipelbagaikan dengan aktiviti yang lebih kreatif untuk menarik minat pelajar. Selain itu, guru Pendidikan Jasmani juga perlu kerap berinteraksi dengan murid semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Capel et al. (2011), proses interaksi akan membolehkan guru menimba pengetahuan, meningkatkan kemahiran dan kecekapan seterusnya keberkesanan pengajaran mereka.

Pihak sekolah juga perlu mencipta rekaan baju Pendidikan Jasmani yang lebih menarik dan diperbuat daripada bahan yang menyerap peluh supaya pelajar sentiasa tertarik dan bersemangat menggunakan baju tersebut pada hari dan waktu pengajaran Pendidikan Jasmani. Pandangan ini disokong oleh Ali et al. (2014), bahawa guru Pendidikan Jasmani perlu memberi motivasi kepada murid untuk meneruskan aktiviti walaupun di bawah cuaca yang agak panas.

5.3 Cadangan mengatasi cabaran faktor persekitaran sekolah dan kemudahan fizikal

Kekangan yang dialami oleh sekolah seperti kawasan padang yang kecil dan sempit serta kekurangan gelanggang permainan dapat diatasi melalui perkongsian padang dengan sekolah yang berdekatan ataupun mengubahsuai kawasan lapang kepada gelanggang sukan pelbagai guna supaya dapat dimanfaatkan untuk permainan lain dan juga dapat digunakan semasa sesi pengajaran Pendidikan Jasmani. Pihak sekolah juga perlu proaktif mencari dana dan memohon sumbangan melalui Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) dan Badan-Badan Korporat untuk membantu menyumbang pembelian peralatan sukan yang baharu serta penyelenggaraan kemudahan sukan yang sudah uzur.

Rekod inventori pembelian peralatan dan penggunaan peralatan sukan serta kemudahan Pendidikan Jasmani perlu diurus dengan sistematik, dikemaskini dan sentiasa dipantau untuk mengelakkan kecurian atau kehilangan peralatan yang tidak dikembali selepas ianya digunakan. Jadual Waktu untuk kelas Pendidikan Jasmani, penggunaan kemudahan seperti padang dan gelanggang permainan juga perlu dirancang dengan teliti untuk mengelakkan pertembungan penggunaannya bagi tujuan pengajaran Pendidikan Jasmani dan juga latihan sukan ataupun aktiviti kokurikulum terutama sekali bagi sekolah yang beroperasi dua sesi serta mempunyai bilangan murid yang ramai.

Pihak sekolah juga perlu memantau keadaan fizikal peralatan serta kemudahan sukan agar sentiasa dalam keadaan yang selamat digunakan untuk mengelakkan kecederaan dan mengurangkan risiko kemalangan di kalangan murid semasa penggunaannya. Tindakan pembaikan dan penambahbaikan segera perlu dilakukan jika terdapat keadaan kemudahan, gelanggang, padang dan peralatan yang sudah rosak ataupun tidak lagi selamat digunakan. Ini adalah kerana faktor persekitaran yang baik dan membina dapat menarik minat pelajar untuk terus melibatkan diri secara aktif dalam pengajaran Pendidikan Jasmani.

Pelaksanaan pengajaran Pendidikan Jasmani dan sebahagian besar isi kandungan serta kemahiran yang di ajar bagi sesuatu permainan perlu dilaksanakan di kawasan padang dan gelanggang yang terbuka untuk mendedahkan pelajar kepada situasi permainan sebenar. Keadaan gelanggang dan kawasan yang sempit akan menghadkan pergerakan serta menyukar kebebasan guru dan murid melakukan aktiviti permainan (Carney & Howells, 2014).

5.4 Cadangan mengatasi cabaran faktor pentadbir sekolah

Pihak pentadbir sekolah perlu menunjukkan kesungguhan dan komitmen yang penuh untuk menyokong pelaksanaan menyeluruh Pendidikan Jasmani di sekolah dengan menekankan pemantauan ke atas pengajaran guru, mendapatkan maklumbalas, menyebarkan kepentingan mata pelajaran Pendidikan Jasmani kepada semua warga sekolah. Pihak pentadbir juga perlu memastikan peruntukan untuk mata pelajaran Pendidikan Jasmani digunakan sepenuhnya tanpa penyelewengan. Sebagai pentadbir sekolah, pengetua perlu berbincang dengan Ketua Panitia mata pelajaran Pendidikan Jasmani sebelum membelanjakan Peruntukan Bantuan Geran Per Kapita (PCG) dengan memastikan ianya digunakan sepenuhnya untuk pembelian peralatan Pendidikan Jasmani sahaja.

Pentadbir sekolah juga perlu mengagihkan tugas mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani berdasarkan opsyen dan pengalaman serta minat guru dalam mata pelajaran tersebut agar ianya dapat mendatangkan hasil pembelajaran yang dihasratkan dalam usaha untuk menarik minat murid serta memberi keyakinan kepada pihak ibu bapa tentang kepentingan dan kesan pengajaran Pendidikan Jasmani kepada anak-anak mereka. Pentadbir sekolah juga perlu memastikan guru Pendidikan Jasmani menguasai aspek penilaian dan pentaksiran pelajar dalam SEGAK dan PAJSK untuk menjamin kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi bagi setiap markah yang diberikan kepada pelajar. Guru opsyen Pendidikan Jasmani yang berpengalaman luas juga perlu digalakkan untuk berkongsi ilmu melalui Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) di sekolah ataupun melalui sesi perkongsian amalan terbaik.

5.5 Cadangan mengatasi cabaran faktor ibu bapa

Persepsi negatif ibu bapa bahawa mata pelajaran Pendidikan Jasmani sekadar membuang masa dan tidak menjamin masa depan boleh diperbetulkan oleh pihak pentadbir sekolah dengan memberikan maklumat tentang kepentingan pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Jasmani melalui pengedaran poster, risalah dan diperjelaskan dengan terperinci semasa sesi permuafakatan ibu bapa. Walaupun Pendidikan Jasmani tidak menjamin masa depan secara langsung, namun ianya dapat membentuk keyakinan dalam diri pelajar, menjadi medium untuk membentuk pelajar yang sihat dan cergas dan menyediakan elemen-elemen yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar. Pendidikan Jasmani juga menjadi mata pelajaran yang boleh menarik motivasi murid untuk datang ke sekolah. Dalam hal ini, ibu bapa perlu berfikir positif dan

sentiasa memberi sokongan kepada anak-anak mengikuti kelas Pendidikan Jasmani kerana ia mampu membantu murid mencergaskan fizikal dan minda di dalam kelas.

Untuk mengatasi persepsi negatif ibu bapa tentang Pendidikan Jasmani bukan mata pelajaran peperiksaan awam, pihak sekolah perlu menyebarkan maklumat dan kepentingan penglibatan aktif pelajar dalam Pendidikan Jasmani akan direkodkan dalam Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang terkini seperti Penilaian Aktiviti Jasmani Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dalam penilaian pusat, penilaian aktiviti SEGAK (Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan) yang dilaksanakan sebanyak dua kali setahun dan penilaian wajib markah 10% penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum untuk kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi Awam. Setiap aspek penilaian ini perlu diperjelaskan dengan mendalam kepada semua ibu bapa untuk meningkatkan kesedaran mereka akan kepentingan pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan bukannya bilangan A yang diperolehi oleh anak-anak semata-mata.

6.0 KESIMPULAN

Dalam usaha untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah, maka mata pelajaran Pendidikan Jasmani sememangnya tidak boleh diabaikan. Kreativiti dan kepelbagaian dalam kaedah pengajaran akan berupaya memotivasikan murid untuk terus berusaha menguasai sesuatu kemahiran yang diajar. Oleh itu, pihak pentadbir sekolah perlu mempunyai visi dan misi yang jelas untuk meletakkan kepentingan pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Jasmani yang berkesan dan menyeluruh di sekolah.

Untuk mengekalkan keseronokan dan penglibatan menyeluruh murid dalam aktiviti Pendidikan Jasmani, maka faktor struktur seperti akses kepada kemudahan sukan yang mencukupi, keadaan padang yang luas dan selamat, maklumat yang mudah diperolehi serta pengurangan kesesakan penggunaan peralatan perlu di ambil perhatian dan diatasi segera oleh pihak sekolah. Ibu bapa juga perlu mengubah persepsi negatif tentang kepentingan pelaksanaan matapelajaran Pendidikan Jasmani, sentiasa memberi sokongan dan galakan kepada anak untuk mengikuti kelas Pendidikan Jasmani serta menjadi *role model* kepada mereka dengan melibatkan diri bersama anak untuk melakukan aktiviti riadah dan bersukan pada masa lapang.

Kesimpulannya, pendidikan jasmani memainkan peranan penting dalam mendidik dan meningkatkan aspek psikomotor, afektif dan kognitif pelajar. Namun demikian, ianya tidak akan dicapai dengan mudah sekiranya masih terdapat faktor kekangan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pendidikan jasmani yang berkesan di sekolah tidak dapat diatasi. Oleh itu juga, setiap pihak seperti pentadbir sekolah, guru dan ibu bapa perlu memahami dengan jelas mekanisme cabaran yang telah dibincangkan untuk memastikan murid lebih bermotivasi melibatkan diri dalam pelaksanaan aktiviti jasmani dan fizikal seterusnya mengamalkan budaya hidup sihat sepanjang hayat. Semoga kepentingan, cabaran pelaksanaan serta cadangan yang dikemukakan dalam kertas konsep ini dapat memberikan gambaran menyeluruh kepada pihak penggubal dasar tentang isu pelaksanaan Pendidikan Jasmani di sekolah menengah seterusnya mengambil kira kesemua faktor tersebut untuk meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaannya di peringkat sekolah.

RUJUKAN

- Ali, S.K.S., Hassan, M.Z.C., & Jani, J. (2014). Efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani terhadap pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Jasmani. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(3), 43-51.

- Ali, S.K.S., Zahidi, M.A., Samad, R.S.A., & Wee, A.S.S.L. (2014). Faktor kekangan ibu bapa dan persekitaran pengajaran Pendidikan Jasmani di sekolah rendah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(2), 1-15.
- Awang, Z. (2012). *Strategi pengajaran mata pelajaran Pendidikan Jasmani yang berkesan*. (Tesis sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Malaysia.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM. (2006). *Rancangan Malaysia ke-9: Pelan induk pembangunan pendidikan*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM. (2008). Laporan pemantauan pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Sains Sukan di negeri Johor. Retrieved from <http://bpk.moe.gov.my/>
- Capel, S., Hayes, S., Katene, W., & Velija, P. (2011). The interaction of factors which influence secondary student physical education teachers' knowledge and development as teachers. *European Physical Education Review*, 17(2), 183-201.
- Carney, P. & Howells, K. (2014). The primary physical education specialist. *Primary Physical Education Matters*, 3(3), 3-4.
- Chong, A.L. (2016). *Pengaruh pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Jasmani dalam mencetuskan keseronokan murid terhadap aktiviti fizikal*. (Tesis PhD tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Davis, K.S., Burgeson, C.R., Brener, N.D., McManus, T., & Wechsler, H. (2005). The relationship between qualified personnel and self-reported implementation of recommended physical education practice and program in U.S. Schools. *Research Quarterly for Exercise and Sport*, 76(2), 202-211.
- De Knops, P., Theeboom, M., Hults, K., Hoecke, J.V., & De Martelaer, K. (2004). The quality of school physical education in Flemish secondary schools. *European Physical Education Review*, 10(10), 21-40.
- Grangeat, M. & Gray, P. (2007). Factors influencing teacher's professional competence development. *Journal of Vocational Education and Training*, 59(4), 485-501.
- Harris, A. & Jones, M. (2011). *Professional learning communities in action*. London: Leanta Press.
- Harun, M.T. & Salamuddin, N. (2008). Modul program pendidikan sukan dan rekreasi UKM: Satu kesinambungan. Retrieved from www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan
- Ibrahim, H. & Abu Bakar, O. (2008). *Tanggapan kepentingan mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di sekolah menengah (Edisi Pertama)*. Skudai: Penerbit UTM.
- Ilham, S.H. (2013). Teknik pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar jarak jauh. *Jurnal Pengurusan Pendidikan*, 2(8), 21-29.
- Ismail, W.A.W. & Muhamad, T.A. (2015). *Hubungan faktor penghalang terhadap penglibatan pelajar dalam Pendidikan Jasmani di sekolah menengah*. (Tesis sarjana tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Ismail, W.A.W. & Muhamad, T.A. (2016). Kepentingan dan halangan dalam pelaksanaan pengajaran Pendidikan Jasmani di sebuah sekolah orang Asli. *Jurnal Penyelidikan MUADDIB*, 1(1), 1-10.
- Jani, J. (2004). *Teras pengetahuan mengajar guru mata pelajaran pendidikan jasmani di sekolah menengah daerah Batang Padang, Perak*. Perak, Malaysia: Tanjong Malim Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Liukkonen, J., Barkoukis, V., Watt, A., & Jaakola, T. (2010). Motivation climate and student's emotional experiences and effort in physical education. *The Journal of Education Research*, 103(5), 295-308.
- Lunenberg, M. & Korthagen, F. (2009). Experience, theory, and practical wisdom in teaching and teacher education. *Teacher and Teaching: Theory and Practice*, 15(2), 225-240.
- Masurier, G.I. & Corbin, C.B. (2006). Top 10 reasons for quality physical education. *Journal of Physical Education, Recreation & Dance*, 77(66), 44-54.
- National Association for Sport and Physical Education, NASPE. (2001). Physical education is critical to a complete education. Retrieved from http://www.mauikinesiology.com/advocacy/pe_critical.pdf
- Nursan, H., Ghani, D.Z.A., Nor, M.A.M., Ibrahim, H., Zainuddin, Z.A., & Morazuki, S.R. (2011). Persepsi pelajar dan guru sekolah menengah terhadap isu pemakaian pakaian sukan semasa kelas Pendidikan Jasmani. Retrieved from http://www.academia.edu/6134956/Persepsi_Pelajar_Dan_Guru_Sekolah_Menengah_Terdhadap_Isu_Pemakaian_Pakaian_Sukan
- Oliviera, L.S., Oliviera, W.R.F., Filho, J.J.D.C., Borges, C.J., Glauber, L.D.O., Oliviera, T.A.P.D., Silva, V.F.D., & Silva, J.R.V. (2017). Cooperative games as a pedagogical strategy for decreasing bullying in physical education: notable changes in behavior. *Journal of Physical Education and Sport*, 17(3), 1054-1060.
- Pavlova, L., Vynogradskyi, B., Kurchaba, T., & Zikrach, D. (2017). Influence of leisure physical activity on quality of life of Ukrainian students. *Journal of Physical Education and Sport*, 17(3), 1037-1042.
- Rahim, S.A. (2004). *Relationship between leisure constraints and residential school students' participation in recreational sport activities*. (Tesis sarjana tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia.
- Smith, D. & Pierre, E.S.P. (2009). Secondary students' perceptions of enjoyment in physical education: An American and English perspective. *Physical Educator*, 66(4), 209-220.
- Starc, G. & Strel, J.L. (2012). Influence of the quality implementation of a physical education curriculum on the physical development and physical fitness of children. *Public Health*, 12(6), 1-7.
- Surat, S. & Abu Bakar, N.S. (2015). Keterlibatan pelajar dalam aktiviti Pendidikan Jasmani di sekolah menengah. *Kertas dibentangkan pada Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Kali Ke-5, Malaysia, Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi, 16-17 Disember 2015*.
- Tan, E.A.L.N., Mohsin, M., Chia, C.M., & Nadarajah, G.M. (2014). *Kurikulum dan pedagogi pendidikan jasmani*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

- Tan, S.H. & Lee, F.K. (2004). Reviving physical education in schools: A small dosage of management and commitment from the educational leaders. *Jurnal Pengurusan & Kepimpinan Pendidikan*, 14(1), 45-54.
- Thomas, J.L.F. & Beaudoin, C. (2002). Implementing a physical education curriculum: Two teachers' experience. *Canadian Journal of Education*, 27(2), 269-268.
- Veloo, A. & Md. Ali, R. (2016). Physical education teachers challenges in implementing school based assessment. *International Review of Management and Marketing Journal*, 6(8), 48-53.
- Wee, E.H. (2001). *Attitude of administrations and teacher towards physical education and the implementation of physical education programme in the secondary school*. (Published doctoral thesis). Universiti Malaya, Malaysia.